

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID  
[ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2015**

**SOALAN : Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun  
Narrashid [ Kota Tinggi ] minta MENTERI  
LUAR NEGERI menyatakan apakah kesan positif  
yang di perolehi negara hasil persidangan  
ASEAN dari sudut kerjasama jaringan ekonomi,  
sosial, tanggungjawab alam sekitar serta juga  
kerjasama kententeraan di kalangan Negara-  
negara ASEAN.**

## **JAWAPAN**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Tinggi atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, semasa mengambil alih Kepengerusian ASEAN daripada Myanmar awal tahun ini, Malaysia telah pun menggariskan dua peranan utama dan lapan isu keutamaan yang menjadi tunjang kepada Kepengerusian ASEAN ini. Dua peranan utama tersebut adalah:

- 2.1 Pertama, untuk memastikan pelaksanaan garis tindakan, dengan izin *action lines*, seperti yang terkandung dalam tiga Pelan Tindakan (*Blueprints*) Komuniti ASEAN, Pelan Hala Tuju Komuniti ASEAN (2009-2015); dan
- 2.2 Kedua, untuk membangunkan Visi Komuniti ASEAN Pasca-2015.

3. Manakala, keutamaan-keutamaan yang digariskan, antara lainnya, adalah untuk mendekatkan ASEAN kepada rakyatnya; memperluaskan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN; menggalakkan keamanan dan keselamatan serantau bertunjangkan kesederhanaan; dan meningkatkan peranan ASEAN sebagai pemain global.

4. Dengan hanya lebih kurang dua bulan sebelum Malaysia mengakhiri tanggungjawabnya sebagai Pengerusi ASEAN, saya berbesar hati dan sukacita ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia telah berjaya dalam memenuhi peranan dan hampir kesemua keutamaan-keutamaan yang telah ditetapkan pada awal Kepengerusiannya.

5. Mengenai dua peranan utama sebagai Pengerusi ASEAN yang saya nyatakan tadi, proses membangunkan Visi Komuniti ASEAN Pasca-2015 telah pun sampai ke peringkat akhir, iaitu untuk para Pemimpin ASEAN memperakukan Visi ASEAN yang baru iaitu, dengan izin "*ASEAN 2025: Forging Ahead Together*" yang merupakan matlamat untuk mengukuhkan proses integrasi ASEAN untuk tempoh sepuluh tahun akan datang. Dokumen tersebut akan diperakukan oleh para Pemimpin ASEAN semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 dan Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan yang dihos oleh Malaysia dari 18 hingga 22 November ini.

6. Secara ringkasnya, Dokumen tersebut yang mengandungi tiga Pelan Tindakan dari tonggak Politik-Keselamatan, Ekonomi dan Sosio-Budaya, mensasarkan sebuah Pelan Hala Tuju (*Roadmap*) yang dapat mencapai aspirasi ASEAN untuk menjadi sebuah Komuniti yang mana politiknya kohesif, ekonominya kukuh dan bersepadu, manakala warganya mempunyai tanggungjawab sosial yang lebih tinggi.

7. Mengenai keutamaan-keutamaan yang telah digariskan oleh Malaysia, kita boleh berbangga apabila inisiatif Malaysia untuk menjadikan "ASEAN Berpaksikan Rakyat" telah mendapat sambutan baik dari Negara-Negara Anggota ASEAN yang lain apabila mereka

bersetuju dengan cadangan Malaysia untuk memperaku satu deklarasi, iaitu “Deklarasi Kuala Lumpur mengenai ASEAN yang Berorientasikan dan Berpaksikan Rakyat” semasa Sidang Kemuncak ke-26 April lalu.

8. Dalam hal ini, komited untuk merealisasikan sebuah “ASEAN Berpaksikan Rakyat”, Malaysia telah merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif mendampingi masyarakat dari setiap lapisan komuniti termasuklah golongan belia, sektor swasta, ahli-ahli parlimen, organisasi bukan kerajaan, organisasi masyarakat madani (*civil society organisation*) dan ahli-ahli perniagaan. Inisiatif-inisiatif ini akan membawa ASEAN lebih dekat kepada warganya dan membolehkan rakyat melihat dan merasai manfaat Komuniti ASEAN dan proses integrasinya.

9. Selain daripada memberi penekanan kepada “ASEAN Berpaksikan Rakyat”, Malaysia juga telah dengan jayanya mengetuai perbincangan di kalangan para Pemimpin Negara Anggota ASEAN dalam banyak isu berkepentingan dan semasa di rantau ini. Isu-isu ini termasuklah isu Laut China Selatan, Jenayah Rentas Sempadan, pergerakan migran secara tidak sah dan juga radikalisasi dan keganasan melampau. Malaysia juga telah menunjukkan kepimpinannya dalam menerajui konsep kesederhanaan apabila berdepan dengan isu-isu tersebut.

10. Ini juga terbukti dengan perakuan para Pemimpin ASEAN yang telah menerima pakai “Deklarasi Langkawi mengenai Pergerakan Kesederhanaan Global” pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26 yang menekankan kepentingan kesederhanaan sebagai suatu pendekatan menyeluruh dalam menggalakkan keamanan.

11. Dari segi arkitektur serantau, dengan izin, *regional architecture*, Sidang Kemuncak Asia Timur – iaitu forum untuk 18 Negara Pesertanya berbincang mengenai isu-isu strategik, politik dan ekonomi – kini dilihat membuahkan hasil. Sidang Kemuncak ini, yang merupakan hasil buah fikiran Malaysia sepuluh tahun lalu, telah berjaya untuk menjalin hubungan kerjasama Negara-Negara Pesertanya dalam menangani isu-isu berkepentingan, contohnya seperti isu menangani keganasan melampau dan juga mempromosi gerakan kesederhanaan.

12. Selain itu, bagi meletakkan ASEAN sebagai pemain global, Negara-Negara Anggotanya, termasuk Malaysia sentiasa menyatakan komitmen dan kesediaan ASEAN dalam menerajui sesuatu isu yang berkepentingan pada rantau ini.

13. Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia dipandang tinggi oleh Negara-Negara di rantau ini. Malah, para Pemimpin ASEAN telah menzahirkan keyakinan terhadap Malaysia dan YAB Perdana Menteri, khususnya, dalam mengemudi rantau ini untuk menempuh satu era baru dalam sejarah perjalanan ASEAN.

14. Namun demikian, memang tidak dinafikan, ASEAN sentiasa berdepan dengan cabaran-cabaran semasa yang adakalanya mengganggu gugat kesejahteraan rantau ini. Dalam usaha menubuhkan Komuniti ASEAN secara rasminya pada hujung tahun ini, ASEAN masih lagi berdepan dengan masalah seperti perbezaan jurang pembangunan di kalangan negara Anggota ASEAN. Hal ini diatasi dengan usaha-usaha ASEAN untuk merapatkan jurang perbezaan tersebut melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif seperti Pelan Tindakan Hanoi dan Inisiatif

untuk Integrasi ASEAN yang objektifnya adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan perbezaan sosio-ekonomi di rantau ini.

15. Selain itu, dalam usaha mempromosi pembangunan Komuniti ASEAN, Negara-Negara Anggotanya telah berusaha untuk meningkatkan tahap kesedaran akan kepentingan pembentukan Komuniti ASEAN dan juga faedah yang diberikan kepada warganya apabila Komuniti ASEAN ditubuhkan kelak. Perkara ini telah dan sedang diatasi oleh ASEAN melalui penganjuran pelbagai program-program kesedaran mengenai penubuhan Komuniti ASEAN di setiap lapisan masyarakat.

16. Apabila Malaysia menyerahkan Kepengerusian ASEAN kepada Laos sebagai Pengerusi ASEAN 2016 nanti, Malaysia boleh berbangga dengan pencapaiannya dalam merealisasikan dua peranan utama Kepengerusiannya di samping memperoleh hasil dan maklum balas positif dalam melaksanakan keutamaan-keutamaan yang telah ditetapkan oleh Malaysia pada awal Kepengerusiannya. Sumbangan yang diberikan oleh Malaysia dalam mengemudi ASEAN pada tahun ini telah membuahkan hasil apabila Komuniti ASEAN dapat diwujudkan secara rasminya pada penghujung tahun ini selaras dengan sasaran yang telah ditetapkan oleh ASEAN.

Sekian, terima kasih.